



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
IRSYAD AL-FATWA**

PERKARA: HUKUM BERBUKA PUASA SEBELUM TERBENAM MATAHARI

الحمد لله الفتح الوهاب الهادي الى الحق والصواب،
اللهم صل وسلم على سيدنا ومولانا محمد وعلى آل سيدنا محمد، صلاة تقدمنا بها إلى مرضاتك
وتبسط علينا بها من عميم بركاتك. اللهم هداية للصواب. وبعد،

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai hukum anak kariah Masjid Jamek Badlishah, Pekan Yan yang berbuka puasa sebelum terbenam matahari disebabkan kesilapan muazzin mengumandangkan azan maghrib dua minit lebih awal (sebelum terbenam matahari) pada 30 Mac 2023 dan bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

1. Seseorang yang berpuasa hendaklah menahan diri daripada makan, minum serta melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit *fajar sadiq* sehingga terbenam matahari. Ini berdasarkan :

i. Firman Allah ﷻ:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا
الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ.¹

Maksudnya: "Makanlah dan minumlah hingga nyata bagimu perbezaan antara benang putih (cahaya siang) dengan benang hitam (kegelapan malam) iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib)".

¹ Al-Baqarah : 187

ii. Sabda Nabi ﷺ:

عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال: قال رسول الله ﷺ: إِذَا أَقْبَلَ اللَّيْلُ مِنْ هَا هُنَا وَأَدْبَرَ النَّهَارُ مِنْ هَا هُنَا وَغَرَبَتِ الشَّمْسُ فَقَدْ أَفْطَرَ الصَّائِمُ.²

Maksudnya: "Apabila malam telah datang dari sini, siang telah berlalu dari sini dan matahari sudah terbenam maka orang yang berpuasa dibolehkan untuk berbuka".

iii.

عن هشام بن عروة عن فاطمة عن أسماء بنت أبي بكر الصديق رضي الله عنها قالت: أَفْطَرْنَا عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ يَوْمَ غَيْمٍ، ثُمَّ طَلَعَتِ الشَّمْسُ. قِيلَ لَهُشَامُ: فَأَمِرُوا بِالْقَضَاءِ؟ قَالَ: بُدِّ مِنْ قَضَاءٍ... الخ.³

Maksudnya: "Kami berbuka pada zaman Nabi ﷺ ketika hari mendung. Kemudian terbit (kelihatan) matahari. Ditanya kepada Hisyam (tentang hal ini): "Adakah mereka diperintahkan untuk qada (puasa)?" lalu Hisyam berkata: "Ya! Perlu qada".

2. Berdasarkan dalil-dalil di atas, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bersetuju memutuskan:
- i. Azan adalah sebahagian daripada syiar Islam. Antara tujuan azan dilaungkan adalah untuk memaklumkan bahawa telah masuk waktu solat dan mengajak kaum muslimin mendirikan solat. Azan turut sinonim dengan masuknya waktu berbuka puasa dalam kalangan masyarakat pada hari ini.
 - ii. Secara asasnya, sebelum berbuka puasa seseorang itu hendaklah memastikan telah masuk waktu berbuka iaitu dengan terbenam matahari kerana ia disandar kepada nas atau dalil *قطعي* dan ia lebih bersifat *قطعي*.

² Muttafaqun Alaih

³ Dikeluarkan oleh Bukhari

- iii. Sekiranya seseorang berbuka puasa berpandukan laungan azan di masjid, dan muazzin pula bergantung kepada jam yang dipasang di dinding semata-mata, maka ia lebih bersifat ظن kerana jam adalah alat yang menunjukkan waktunya boleh berubah-ubah.
- iv. Nisbah bagi seseorang yang berpuasa; siang adalah kekal keadaannya sehingga datang dalil yang menunjukkan sebaliknya. Keadaan waktu siang tidak berubah melainkan terdapat petunjuk-petunjuk syarak iaitu terbenam matahari. Tidak dianggap terbenam matahari dengan laungan azan yang salah yakni belum masuk waktunya. Ijtihad seumpama itu tidak dikira kerana bertentangan dengan situasi sebenar yang berlaku.
- v. Oleh itu, mana-mana anak kariah yang berbuka puasa pada hari tersebut dengan berpandukan laungan azan yang bukan pada waktunya, maka puasanya terbatal dan wajib diqada. Ini bertetapan dengan kaedah:

"لَا عِبْرَةَ بِالظَّنِّ الْبَيِّنِ خَطَأُهُ."

Maksudnya: "Tidak diambil kira sangkaan yang telah jelas kesalahannya".

وَلَوْ أَكَلَّ بِاجْتِهَادٍ أَوْلاً أَوْ آخِراً فَبَانَ أَنَّهُ أَكَلَ نَهَارًا بَطَلَ صَوْمُهُ إِذْ لَا عِبْرَةَ بِالظَّنِّ الْبَيِّنِ خَطْؤُهُ.⁴

Maksudnya: "Sekiranya seseorang makan dengan berijtihad pada awalnya atau akhirnya ternyata dia makan pada waktu siang maka batallah puasanya kerana tidak diambil kira sangkaan yang telah jelas kesalahannya".

- vi. Bagaimanapun, anak kariah yang terbatal puasa pada hari tersebut tidak dianggap berdosa kerana berlaku dengan tidak sengaja berdasarkan hadis nabi ﷺ:

"رُفِعَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأُ وَالنِّسْيَانُ وَمَا اسْتُكْرَهُوا عَلَيْهِ."

Maksudnya: "Telah dianggap (dibebaskan) umatku kepada yang tersalah, terlupa, dan yang dipaksa keatasnya".

⁴ As-Sayyid Muhammad Syatho Ad-Dumyati Al-Mesri, Kitab Hasyiyah I'anutul Tholibin ala Halli Al Fazi Fathil Mu'in, Juzuk Kedua, Cetakan Mustafa al Babiy al-Halabi, 1938, hlmn 235.

3. Justeru, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah menasihati semua pihak agar lebih cermat dan berhati-hati serta tidak terburu-buru berbuka puasa sebelum disahkan dengan yakin bahawa telah masuk waktu berbuka puasa iaitu terbenam matahari.

Semoga pandangan yang dikemukakan ini dapat memberi kefahaman kepada permasalahan yang timbul seterusnya menghadirkan ketenangan jiwa dan berlapang dada lebih-lebih lagi kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam isu ini. Wallahua'alam.

Hanya Allah SWT Yang Maha Mengetahui dan kepadanya kami berserah diri,

Disahkan oleh;



**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,
DPSS., DSDK., AMK., BCK.**

MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Tarikh: 10 April 2023 bersamaan 19 Ramadan 1444